

Lapan penumpang LRT saman Rapid Rail, Prasarana

(28 MAC 2023) Sinar, p20

KUALA LUMPUR - Seramai lapan penumpang Transit Aliran Ringan (LRT) memfailkan saman sebanyak RM860,000 terhadap Rapid Rail Sdn Bhd dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) di Mahkamah Tinggi di sini pada 9 Mac lalu.

Ia membabitkan kejadian dua buah tren LRT Laluan Kelana Jaya bertembung sehingga menyebabkan beberapa penumpang cedera pada jam 9.15 malam, 24 Mei 2021 lalu.

Mereka ialah Tengku Amalie Tengku Alauddin Shah, 47; Marvena Jitol, 28; Riezariel Haeqal, 23; Rozita Che Rus, 28; Ng Siow Nee, 36; Siti Nuraliah Hashim, 26; Nurul Athirah Mohd K Jabayee, 36 dan Muhammad Firdaus Mohd Saleh, 35.

Menerusi pernyataan tuntutan difailkan menerusi Tetuan Vin Partnership, kesemua penumpang selaku plaintif pertama hingga kelapan, menamakan dua pihak terbabit sebagai defendan pertama dan kedua.

Kesemua plaintif mengemukakan saman itu kerana Rapid Rail selaku defendan pertama manakala Prasarana defendan kedua, gagal dan cuai dalam



Dua buah tren LRT laluan Kelana Jaya bertembung sehingga menyebabkan beberapa penumpang cedera pada 24 Mei 2021.

memastikan keselamatan mereka sehingga menyebabkan kecederaan, dua tahun lalu.

“Mereka juga gagal melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) sehingga menyumbang kepada insiden itu.

“Dua defendan itu juga gagal mengambil sebarang tindakan untuk mengelak kemalangan dan gagal untuk memberhentikan, memperlahankan dan mengawal LRT supaya kemalangan dapat dielakkan,” kata pernyataan tuntutan itu.

Menurutnya, Pengerusi Bukan Eksekutif Prasarana Malaysia Bhd,

Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (ketika itu), turut berjenaka dengan berkata kedua-dua kereta api itu ‘bercium’ antara satu sama lain dan dilihat ketawa ketika berucap dalam sidang media berhubung kejadian berkenaan.

Justeru itu, kesemua plaintif menuntut ganti rugi am, faedah pada kadar lima peratus setahun dari tarikh pemfailan writ sehingga ke tarikh penghakiman.

Berdasarkan semakan di laman web kehakiman, pengurusan kes berkenaan ditetapkan di hadapan Timbalan Pendaftar Mohamad Hafizul Awang pada 11 April ini.